

Tajuk: Peluang Menjadi Usahawan / Peniaga di Gerai Buah-buahan Segar FAMA

Bahagian : Pembangunan Usahawan dan Pemborongan
Pengarah Kanan: En. Abd. Wahid Mat Radzi
Cawangan : Pembangunan dan Perancangan Pasar Tani
Pengarah: En. Munimbar Sidek

Pengenalan

Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) adalah program pembangunan usahawan yang dijalankan oleh FAMA untuk membentuk peniaga-peniaga yang mahir dalam mengurus gerai buah-buahan.

Gerai-gerai ini akan membentuk rangkaian GBBS yang mengutamakan mutu dan mempamerkan imej yang seragam di seluruh negara.

Tujuan

Mendirikan rangkaian premis perniagaan yang ideal bagi mempromosikan buah-buahan tempatan, khasnya semasa musim buah.

- Membangunkan satu saluran alternatif untuk pengguna mendapatkan buah-buahan tempatan yang berkualiti di seluruh negara.
- Memberi peluang kepada usahawan untuk memperkembangkan urusan buah-buahan
- Mewujudkan satu rangkaian pemasaran runcit buah-buahan tempatan di seluruh negara yang boleh dijadikan contoh.

Skop Perkhidmatan FAMA

Setiap usahawan yang dipilih di bawah program GBBS akan diberi bantuan dalam bentuk pinjaman peralatan, bimbingan (kursus, lawatan sambil belajar dan lain-lain) dan khidmat nasihat pakar.

Kumpulan Sasaran

Semua peniaga runcit buah-buahan tempatan di seluruh negara.

Kelayakan

- Warganegara Malaysia
- Mempunyai lesen perniagaan dan premis perniagaan yang sah
- Berpengalaman dalam perniagaan buah-buahan sekurang-kurangnya 6 bulan
- Buah-buahan yang diurusniagakan mestilah terutamanya terdiri daripada buah-buahan tempatan. Perniagaan buah-buahan import dihadkan kepada 30% daripada nilai keseluruhan urusan pada satu masa.
- Produk berasaskan buah-buahan tempatan sahaja boleh diurusniagakan.
- Produk yang diniagakan hendaklah sentiasa berkualiti
- Usahawan yang terpilih tidak boleh memindahkan hakmilik peralatan GBBS yang telah dipinjamkan dengan apa juga cara sekalipun.

Cara Memohon

- Setiap permohonan hendaklah mengisi Borang Permohonan GBBS yang boleh diperolehi di Pejabat FAMA berhampiran atau melayari www.fama.gov.my di pautan e-borang
- Borang yang lengkap diisi perlu dihantar ke Pejabat FAMA yang berhampiran.
- Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan En. Nukman Hashim di talian 03-61381304 samb. 539 atau emel: nukman@fama.gov.my